

e-undi lebih selamat, jimat masa

BERITA HARIAN 07/02/2019 M/S 06

→ SPR lakukan 'pencarian fakta' laksana sistem baharu

Oleh Johari Ibrahim, Che Wan Badrul Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempertimbangkan pelaksanaan kaedah pengundian secara elektronik (e-undi) yang lebih selamat dan menjimatkan kos, sebagai sebahagian daripada reformasi sistem pilihan raya negara.

Kajian SPR mendapati kaedah berkenaan yang digunakan di Russia, Korea Selatan, India dan Congo, juga dapat menjimatkan banyak masa serta meminimumkan jumlah kakitangan diperlukan.

Pengerusi SPR, Azhar Azizan Harun, memberitahu BH, pihaknya sudah melakukan 'pencarian fakta' serta berbincang dengan beberapa pihak, termasuk pegawai dari negara yang sudah melaksanakan kaedah e-undi dan pengundian internet.

Katanya, suruhanjaya itu tidak begitu berminat dengan kaedah pengundian internet seperti yang dilakukan di Amerika Syarikat, ke-

rana terdedah kepada risiko digodam, selain sukar 'mempertahankan diri' jika timbul dakwaan sistem berkenaan diganggu.

Sebaliknya, beliau berkata, e-undi yang menggunakan sistem simpanan data berasingan bagi setiap pusat undi adalah lebih selamat, serta mempunyai data dan dokumen sokongan jika timbul sebarang isu.

Papar calon guna tablet

Menerusi kaedah itu, pengundi akan ke tempat mengundi seperti biasa, tetapi akan menggunakan pengesahan kad pengenalan dan biometrik apabila berada di dalam bilik mengundi, manakala senarai calon dan parti diwakili, dipapar menggunakan tablet.

Data pengundi juga dipamerkan pada skrin besar untuk rujukan ejen pusat mengundi berbanding kaedah konvensional, yang memerlukan pegawai SPR membaca dengan kuat nama dan nombor kad pengenalan pengundi untuk ditanda secara manual oleh ejen parti bertanding.

Pengundian kemudian dilakukan dengan menekan butang mewakili calon bertanding dan serentak itu data disalurkan ke Borang 14, manakala cetakan kertas undi dibuat sebagai sokongan jika timbul sebarang isu ketika proses penjumlahan undi.

Borang 14 juga dikenali sebagai Borang Penyata Pengundian Selepas Pengiraan Undi, yang perlu ditandatangani Ketua Tempat Me-

ngundi (KTM).

Tanpa borang itu bersama tandatangan KTM, pengesahan mengenai kemenangan mana-mana calon pilihan raya tidak boleh diisytiharkan.

Maklumat yang perlu ada dalam borang itu, termasuk senarai semua calon bertanding, nama parti politik diwakili mereka serta jumlah undi.

Menerusi e-undi, Azhar berkata, jumlah undi akan diketahui sertamerta sebaik pusat mengundi ditutup, kerana semua data sudah dimasukkan dalam sistem, yang juga ada sokongan kertas undi.

Kerahsiaan undi terjamin


Sistem berkenaan katanya, tidak bersambung dengan pusat penjumlahan undi secara dalam talian, tetapi proses kiraan undi secara manual dan percetakan kertas undi tidak diperlukan, sekali gus menjimatkan banyak kos.

"Kerahsiaan undi adalah terjamin. Selepas pemilih mengundi, mesin keluarkan satu cetakan, ejen parti pun lihat proses ini berjalan. Undi ditolak pun boleh kenal pasti kerana sistem itu boleh diselarasakan titik sentuhan di luar kotak undi, yang biasanya menyebabkan undi ditolak," katanya.

Ditanya setakat mana SPR serius melaksanakan sistem itu, beliau berkata, pihaknya melihat ia sebagai satu 'peluang'.

Katanya, isu kos dan keselamatan memerlukan penelitian lebih mendalam, termasuk memper-

GAMBARAN PENGUNDIAN KAEDAH e-undi



oleh pandangan pihak berkaitan seperti parti politik, pakar teknologi maklumat (IT) serta badan bukan kerajaan (NGO).

"Saya tidak tetapkan sasaran (laksana e-undi), saya mahu tengok dahulu. Pertama, kita kena tetapkan mahu buat atau tidak. Ia baik setakat yang kita tengok sekarang,"

katanya sambil menambah, pelaksanaan sistem itu juga memerlukan pindaan beberapa akta dan peraturan berkaitan pilihan raya.

Beliau berkata aspek pendidikan kepada pengundi terutama di kawasan pedalaman perlu ditekan jika negara mahu melaksanakan sistem e-undi.